

# Agama itu Nasihat

## Ikhlas Satu Sifat yang Mulia

(Oleh: Abdul Majid Haji Khatib)

Perasaan ikhlas adalah satu-satunya sifat yang amat dihargai oleh agama kita. Kita disuruh bersifat ikhlas. Kerana dengan sifat ikhlas itulah kita menjadi seorang manusia yang sempurna dan hampir kepada Allah.

Hendaklah kita ikhlas berpolitik, ikhlas berekonomi, ikhlas bersosial, dan ikhlas dalam segala lapangan hidup. Hendaklah kita ikhlas terhadap diri sendiri, terhadap keluarga, terhadap masyarakat, terhadap bangsa, terhadap negara, terhadap agama dan seterusnya terhadap kaum Muslimin dan Muslimat sekalian.

Cubalah selidiki diri kita ini. Adakah kita telah menanamkan sifat keikhlasan itu ke hati sanubari kita? Adakah kita bekerja, berusaha bertugas kerana Allah dan mencari keredaan-Nya? Jika belum, baiklah kita berlatih dari sekarang.

Ikhlas bermaksud jujur, suci hati, “tidak ada udang di sebalik batu”. Ikhlas kepada Allah itulah setinggi-tinggi dan semulia-mulia darjat ikhlas. Hendaklah kita ikhlas dalam pemikiran, yakni berfikir semata-mata menurut kehendak Allah dan mencari keredaan-Nya. Ikhlas dengan perbuatan, yakni melakukan segala perbuatan kerana Allah, menurut undang-undang-Nya dan sentiasa dalam

keredaan-Nya. Ikhlas dalam percakapan, yakni bercakap kerana Allah, menurut pertunjuk-Nya dan sentiasa dalam kebenaran dalam setiap ketika.

Jikalau kita menolong orang, adakah kita memberi pertolongan itu dengan hati yang ikhlas atau “ada kerak di sebalik nasi”? Kalau kita menolong kerana Allah, kita tidak berniat supaya orang yang ditolong itu membalas pertolongan kita itu, walaupun dengan ucapan terima kasih sekalipun. Segala-galanya diserahkan kepada Allah.

Jikalau kita memimpin orang, adakah kita memimpin itu kerana berkehendakkan pangkat, puji, wang dan sanjungan? Jika benar kita memimpin kerana Allah, segala-gala dan semuanya itu, bukanlah matlamat yang kita tuju. Itu akan datang kemudian jika ada datang pun. Jika tidak, kita tetap berpuas hati juga. Kita hanya perlu memberi bakti kepada orang yang dipimpin dan mencari keredaan Ilahi belaka, baharulah kita menjadi pemimpin yang berjiwa besar.

Jikalau kita mencari rezeki, kita mesti menuntut yang halal kerana semata-mata menjunjung titah perintah Allah.

Jikalau kita sembahyang, kita mesti sembahyang dengan ikhlas, tidak “riyak”.

Jikalau kita menjadi rakyat, kita mesti taat, selagi orang

yang ditaati itu tidak menyeleweng dari jalan benar yang ditunjuk oleh Allah Maha Bijak. Kita keluarkan pendapat yang ikhlas, jika pemimpin nampak tersilap dari yang benar. Janganlah kita menjadi kaki sokong, kaki ampu dan tukang inggih sahaja, sedang yang diampu, disokong dan yang diinggihkan itu telah tergelincir dari kebenaran. Kita taat, kita membantah semata-mata kerana Allah jua. Allah sahajalah pemimpin yang hakiki.

Oleh itu, kita sebagai umat Muhammad, marilah menjadi umat yang yang<sup>1</sup> ikhlas kepada Allah Yang Maha Besar. Ikhlas dalam segala-galanya, agar kita menjadi satu umat yang betul-betul suci, mulia dan adil di sisi Allah, dan menjadi pemimpin umat manusia yang selalu kehilangan pegangan ini.

Sifat ikhlas yang tinggi mutunya itu tidak dapat dicapai jika kita tidak ada pegangan. Pegangan itu pula timbul dengan adanya kepercayaan, dengan adanya Yang Maha Sempurna yang mengatur alam semesta ini. Itulah Allah *Subhānahu wa Ta’ālā*. Dengan adanya kepercayaan atau **iman** dapatlah kita mencapai ketinggian mutu peribadi iman yang benar, tertanam, berurat berakar di jiwa kita, hingga tidak lekang oleh panas, tidak lapuk oleh hujan, dan tidak hancur oleh letupan nuklear sekalipun.

Dengan iman yang sejati, ikhlas itu datang pula dengan sendirinya. Oleh itu marilah kita bersama-sama menaburkan benih **iman** yang sebenarnya dan ikhlas dalam segala tanduk kita, semata-mata mencari keredaan Allah dan menghampiri-Nya. *In shā-Allāh* berjaya.

<sup>1</sup> Pengulangan perkataan yang.